



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
KENYATAAN MEDIA (13 Oktober 2021)

SYARAT KEMASUKAN KE SARAWAK MELALUI ENTERSARAWAK

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencara Negeri Sarawak telah membuat pengumuman agar memberi kebenaran kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri tanpa perlu memohon kebenaran daripada PDRM bermula 11 Oktober 2021. Namun demikian, individu yang ingin memasuki Sarawak masih perlu membuat permohonan dalam EnterSarawak serta mematuhi syarat-syarat permohonan. Ini termasuklah bukti status 'lengkap vaksinasi' dan keputusan ujian COVID-19 yang 'negatif' dalam tempoh 3 hari sebelum memasuki Sarawak.

JPBN ambil maklum ada di kalangan rakyat yang tidak sabar ingin pulang berjumpa dengan keluarga tersayang di Sarawak dan mengharapkan kelonggaran penuh diberikan tanpa sebarang permohonan kemasukan. Namun, terdapat sebab-sebab Sarawak masih mengekalkan syarat saringan COVID-19 sebelum kemasukan ke Sarawak.

Sebanyak 106 kes import B telah dikesan di Sarawak pada bulan Ogos 2021, manakala 83 kes import B dikesan pada bulan September 2021. Kes-kes ini telah dikesan semasa dalam tempoh kuarantin selepas memasuki Sarawak dari negeri-negeri lain.

Terdapat ramai lagi kes yang telah dikesan positif sebelum permohonan kemasukan ke Sarawak. Syarat saringan sebelum kemasukan ke Sarawak ini telah membantu

Kenyataan Media JPBN Bil 286A/2021
mengurangkan risiko penyebaran dalam pesawat dan melindungi penumpang dalam pesawat yang sama.

Walaupun dalam tren penurunan, Kes di Sarawak masih tinggi. Bilangan kes teruk (kategori 3 hingga 5) juga masih tinggi. Maka Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak berharap tidak menambahkan beban ke atas fasiliti kesihatan sedia ada terutamanya fasiliti ICU, dengan tidak menambahkan lagi bilangan kes/kluster di komuniti melalui kes import. Ini supaya perkhidmatan optimal dapat diberikan kepada mereka yang memerlukannya.

Pemberian suntikan dos ketiga dan dos penggalak akan bermula di Sarawak pada 13 Oktober 2021. Dengan pemberian dos tambahan ini, golongan yang berisiko tinggi dan petugas barisan hadapan akan mendapat perlindungan tambahan daripada jangkitan COVID-19 serta komplikasi teruk daripada jangkitan ini. Golongan yang akan menerima dos ketiga dan dos penggalak termasuklah ibu bapa serta keluarga kita di Sarawak yang merupakan warga emas serta mereka yang mempunyai komorbid. Pihak JPBN berharap semua anak Sarawak bersabar dan memberi kerjasama untuk melindungi golongan yang berisiko tinggi ini sehingga pemberian dos ketiga dan dos penggalak selesai yang dijangka pada hujung November 2021, tertakluk kepada keputusan dan arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia serta stok vaksin yang ada.

Individu yang ingin memohon untuk memasuki Sarawak boleh membuat ujian RTK Antigen (swab) di fasiliti kesihatan kerajaan dengan harga RM60, dan keputusan boleh diperolehi dengan cepat. Bagi mereka yang terpaksa membuat permohonan semula EnterSarawak (dan melebihi tempoh sahlaku ujian COVID-19) disebabkan penukaran

Kenyataan Media JPBN Bil 286A/2021

penerbangan oleh syarikat penerbangan, mereka boleh sertakan bukti penukaran penerbangan bagi pertimbangan urusetia EnterSarawak.

Buat masa ini, bukti status lengkap vaksinasi perlu disertakan di dalam permohonan EnterSarawak agar proses semakan setibanya di Sarawak tidak tertangguh. Pertimbangan juga akan dibuat bagi mereka yang tidak memiliki aplikasi MySejahtera. Sarawak akan membuat penambahbaikan dari segi semakan status lengkap vaksinasi agar tidak membebankan penumpang yang memasuki Sarawak.

Sarawak bukan satu-satunya negeri yang masih menetapkan syarat saringan COVID-19 sebelum kemasukan. Negeri Sabah juga masih menetapkan syarat yang sama, iaitu saringan RTK atau PCR dalam tempoh 3 hari sebelum memasuki Sabah, demi melindungi rakyat di Sabah daripada jangkitan COVID-19. JPBN menyeru semua anak Sarawak yang ingin balik ke Sarawak agar bersabar dengan syarat-syarat ini, kerana ianya bertujuan untuk melindungi keluarga dan rakan-rakan di Sarawak, serta semua penumpang dalam penerbangan yang sama. Penilaian serta penambahbaikan akan dibuat dari semasa ke semasa, agar tidak membebarkan, di samping melindungi anda dan keluarga anda.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives

Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

13 Oktober 2021

6.00 PETANG